

18/09/2003

Lebih ramai pelajar dijangka guna motosikal

DARIPADA 4.8 juta pelajar sekolah menengah di negara ini, dianggarkan 350 000 orang menunggang motosikal ke sekolah setiap hari. Sebilangan besar adalah pelajar di luar bandar dan pinggir bandar. Pelbagai faktor dikenal pasti menyebabkan penggunaan motosikal begitu popular di kalangan pelajar.

Antaranya ialah rumah mereka jauh dari sekolah dan tidak terdapat kemudahan pengangkutan, sama ada bas awam atau sekolah dan keadaan jalan raya yang kurang sempurna serta memudahkan mereka menghadiri kelas tambahan atau aktiviti kokurikulum di waktu petang.

Dengan statistik kira-kira 6 000 orang maut akibat kemalangan jalan raya setahun, dan 60 peratus daripadanya membabitkan penunggang motosikal, keselamatan pelajar yang menunggang motosikal wajar diberi perhatian.

Justeru, kempen besar-besaran menggalakkan pelajar sekolah mematuhi peraturan jalan raya, termasuk memakai topi keledar dan mengikatnya secara betul ketika menunggang atau membonceng motosikal perlu diadakan.

Dengan pemansuhan cukai jalan berkuat kuasa serta merta seperti yang diumumkan Perdana Menteri, yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan Bajet 2004, baru-baru ini, sudah tentu akan merangsang ramai ibu bapa membeli motosikal bagi kegunaan anak masing-masing.

Hakikatnya, pemansuhan itu antara lain bertujuan akan mengurangkan beban kewangan golongan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta serta belia.

Kita berharap pelajar yang menunggang motosikal ke sekolah perlu lebih berhati-hati dan sentiasa menjaga keselamatan kenderaan mereka selain berdisiplin ketika menunggang. Kemudahan yang diberi kerajaan sepatutnya membantu mereka lebih cemerlang dalam pelajaran, bukan untuk menempa kecelakaan yang akhirnya merugikan semua pihak.